

HARAPAN BAGI KEAMANAN DUNIA

Temu ramah dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad

(Presiden Kehormat, Yayasan Kepimpinan Perdana)

Oleh: Wan Roslili Abd. Majid, Norhanizah Ismail

Ketibaan kami di Menara Satu, Menara Berkembar Petronas disambut mesra oleh pegawai khas yang kemudiannya mengiringi kami ke Tingkat 86. Kami melangkah masuk ke ruang istirahat dengan sedikit debaran. Maklum, peluang menemu bual seorang negarawan yang hebat lagi ternama ini telah sekian lama dinanti-nantikan. Sementara menanti beliau, kami meneliti setiap persoalan yang bakal diajukan sambil sesekali memandang persekitaran ruang istirahat yang kelihatan amat sederhana. Penantian kami yang tidak sampai beberapa minit berakhir apabila pintu ruang kerja negarawan yang dinantikan terbuka. Beliau melangkah pantas mendapatkan kami dengan mengucapkan salam. Lirikannya yang manis dan sapaan mesranya dengan pertanyaan, "Dari IKIM?" melenyapkan sama sekali debaran di jiwa. Kami serentak mengangguk dan memperkenalkan diri masing-masing seadanya.

Ketika masih memegang jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia, YA Bhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad terkenal kerana semangat, keberanian serta kelantangannya menyuarakan kritikan terhadap penindasan yang dilakukan, khususnya terhadap negara-negara Islam. Sehingga kini, semangat dan perjuangannya itu kekal membara, khususnya bagi memastikan keamanan sejagat yang diimpikan dapat diwujudkan menjadi kenyataan. Perjuangan murni itu kini digerakkan melalui Forum Keamanan Sejagat Perdana yang dianjurkan dengan jayanya pada hujung tahun lalu dan membentuk Deklarasi Kuala Lumpur yang menentang peperangan. Forum Keamanan Sejagat Perdana – Sesi Khas 2006 yang merupakan langkah susulan yang dianjurkan oleh Pertubuhan Keamanan Sedunia Perdana pada 20-22 Jun yang lalu dengan tema "*Criminalise War, Stop World War IV (The Coming Nuclear War)*" menyerlahkan kegigihan anggota forum pimpinan beliau menyeru supaya keamanan ditegakkan melalui pelbagai wadah.

Temu bual yang berlangsung pada petang Rabu, 28 Jun yang lalu, menyerlahkan impian seorang negarawan terbilang bagi melihat dunia aman tanpa peperangan meskipun laluannya penuh liku. Bualannya sebagaimana yang dimaklumi umum, bersahaja dan mudah difahami meskipun topiknya agak berat. Antara



isu penting yang dibicarakan termasuklah penindasan tanpa henti terhadap rakyat Palestin, kemelut antara Fatah dengan Hamas, isu senjata nuklear, keteguhan pendirian Iran selain penipuan, penindasan dan kezaliman Amerika Syarikat, Israel dan rakan-rakan sekutu mereka. Temu bual penuh bermakna itu berakhir dengan kesimpulan bahawa masih wujud harapan bagi keamanan dunia sekiranya setiap individu, masyarakat dan bangsa di dunia bersatu tenaga serta kudrat menegakkannya.

VISI: Seruan telah dibuat oleh panel forum dalam syarahan umum yang diadakan pada 22 Jun yang lalu supaya setiap individu memanfaatkan segala kebolehan dan kemahiran untuk membantu usaha yang telah dimulakan oleh pihak Yayasan Kepimpinan Perdana dan Pertubuhan Keamanan Sedunia Perdana. Apa komen Tun?

Tun Dr. Mahathir: Inilah masalah orang ramai. Tujuan kita adalah supaya kita dapat mengharamkan peperangan kerana peperangan bermakna membunuh manusia. Agak tidak secocok dengan tamadun kita jika kita menyelesaikan persengketaan antara dua buah negara melalui pembunuhan. Ini samalah juga jika dalam masyarakat, timbul sesuatu pertelingkahan antara dua orang, masyarakat tersebut membenarkan kedua-duanya untuk berlawan menembak. Kecekapan dan kebijaksanaan salah seorang daripadanya akan membolehkan ia membunuh lawannya. Ini jelas merupakan cara dan amalan hidup yang cukup primitif. Usaha harus dijalankan bagi memberikan kefahaman kepada orang ramai bahawa peperangan bermakna membunuh manusia dan membunuh manusia sememangnya dianggap sebagai suatu jenayah dalam mana-mana masyarakat. Peperangan merupakan pembunuhan besar-besaran dan kesannya pula lebih besar serta dahsyat dan dengan yang demikian, ia juga merupakan jenayah. Malah, ia dianggap sebagai tindakan membunuh manusia, meskipun pembunuhan tersebut dilakukan oleh tentera dan yang memberikan penentangan juga tentera. Kita juga faham bahawa sekarang ini perang tidak lagi terhad antara sesama tentera yang berperang di sebuah medan perang. Medan perang bagi peperangan zaman moden ini ialah seluruh negara. Tiada sebuah tempat pun dalam negara yang dikecualikan dan tentera penceroboh akan membunuh sesiapa sahaja selain memusnahkan serta merosakkan harta benda di seluruh negara. Oleh yang demikian, kini peperangan bukan lagi

antara sesama tentera, bahkan melibatkan orang awam. Peperangan kini juga jauh lebih primitif dan jauh lebih teruk berbanding dengan zaman dahulu. Jika cara ini terus diamalkan bagi menyelesaikan masalah, maka sudah pasti dunia tidak akan menjadi tempat yang selesa untuk kehidupan manusia. Kita mahu supaya semua orang memahami perkara ini dan cuba mengembangkan pendapat di kalangan seluruh anggota masyarakat, iaitu peperangan ialah jenayah. Bahawa peperangan melibatkan pembunuhan dan pembunuhan ialah jenayah.

VISI: Apakah hasil yang dicapai setakat ini setelah kejayaan menganjurkan Forum Keamanan Sejagat Perdana pada tahun lalu dan Sesi Khas 2006 sebagai langkah susulan pada bulan Jun yang baru lalu ini?

Tun Dr. Mahathir: Forum Keamanan Sejagat Perdana ada juga menampakkan hasilnya. Ini kerana, kita telah menyarankan supaya apabila pilihan raya diadakan, setiap calon perlu memberikan pengakuan bahawa ia menolak peperangan sebagai cara menyelesaikan masalah ataupun cara untuk memajukan agenda negara. Sebaliknya, calon tersebut harus membuat pengakuan bahawa ia menerima cara atau kaedah berasaskan keamanan, iaitu perundingan, timbang tara (*arbitration*) dan juga penyelesaian masalah melalui perbicaraan di mahkamah.

VISI: Selain mengadakan perhimpunan dan pertemuan antara penyokong keamanan bagi menggerakkan kempen keamanan, apakah langkah praktikal lain yang akan diusahakan oleh Forum Keamanan Sejagat dan Pertubuhan Keamanan Sedunia Perdana?

Tun Dr. Mahathir: Kita perlu mempunyai rangkaian. Di seluruh dunia, terdapat banyak badan bukan kerajaan (NGO) yang menentang peperangan dan berhasrat menegakkan keamanan. Jadi, kita perlu menjalin hubungan dengan mereka supaya bersama-sama dapat menjayakan perjuangan menegakkan keamanan. Rakan-rakan kita yang datang memberikan ucapan, harus mengadakan perjumpaan di seluruh dunia bagi memasyhurkan cita-cita untuk mencapai keamanan sejagat. Malah, terdapat juga cadangan supaya kita bertemu dengan pemimpin-pemimpin negara-negara tertentu untuk mendesak mereka supaya mereka tidak menggunakan peperangan sebagai jalan penyelesaian selain beberapa cadangan yang lain

yang mengusulkan supaya dikurangkan senjata dalam dunia ini. Di samping itu, ada juga cadangan supaya penyediaan bagi menghasilkan senjata yang lebih dahsyat, dihentikan sama sekali. Kesimpulannya, begitu banyak usaha yang harus dilaksanakan.

VISI: Kekejaman yang dilakukan oleh Amerika Syarikat dan sekutu-sekutunya sebagaimana yang digambarkan melalui tayangan slaid sepanjang Tun berucap dalam Forum Umum pada 22 Jun 2006 yang lalu memperlihatkan banyak bayi dan kanak-kanak yang terkorban akibat peluru yang menembusi perut, memecahkan kepala dan mengudungkan anggota-anggota tubuh seperti tangan serta kaki. Turut dikisahkan ialah nasib seorang kanak-kanak yang terselamat dalam serangan oleh tentera marin Amerika Syarikat di Iraq yang menceritakan bagaimana mereka membunuh seluruh ahli keluarganya, termasuk datuknya yang sedang menunaikan solat. Selain itu juga yang lebih menyayat hati, mereka sanggup menggerudi tulang mangsa dengan mesin penggerudi untuk mendapatkan maklumat sehinggalah mangsa terbabit meninggal dunia. Ada antara kita yang masih kebingungan kerana terlalu terkejut dan tidak sanggup melihat semuanya ini. Apa komen Tun?

Tun Dr. Mahathir: Inilah hakikat atau realiti yang perlu dihadapi oleh kita. Ia sememangnya berlaku walau adakalanya kita amat sukar untuk mempercayai bahawa ada manusia yang sanggup melakukan semua bentuk kekejaman itu. Amerika Syarikat dan sekutunya sering mendakwa bahawa pengganas patut dihapuskan kerana tindakan mereka yang mengganas dan membunuh orang ramai. Pada hakikatnya, golongan yang digelar oleh mereka sebagai pengganas itu membunuh kerana terdesak dan juga disebabkan mereka tidak mempunyai jalan atau cara yang lain lagi. Sungguh memalukan kerana Amerika Syarikat dan rakan sekutunya yang tidak berperikemanusiaan mempunyai senjata serta peralatan peperangan. Namun, mereka masih memilih untuk melakukan penindasan, kezaliman dan kekejaman yang tiada batasan atau sempadannya. Saya berpendapat ini sememangnya sifat yang ada pada orang Eropah yang sejak zaman lampau lagi cenderung untuk berperang dan merampas apa sahaja yang menjadi milik orang lain. Setiap tahun mereka akan berperang dan menyerang orang lain. Sekiranya ada orang yang menentang mereka,

mereka tidak sama sekali akan mempedulikannya, malah akan terus membunuh manusia yang tidak berdosa. Misalnya di Amerika Syarikat dahulu, mereka membunuh beratus ribu orang Red Indian dan di Australia pula, orang asli negara itu menjadi mangsa mereka.

Orang asli ini diperlakukan tidak ubah seperti binatang dan ditembak sekiranya melintas di hadapan mereka. Jika dibuat perbandingan dengan orang Asia, walaupun terdapat antara mereka yang zalim tetapi tidaklah sekejam orang Eropah. Saya telah beberapa kali berucap tentang perkara ini. Semuanya ini disebabkan sifat ganas yang dimiliki oleh orang Eropah. Kita sendiri tidak mungkin tergamak melakukan perbuatan yang dilakukan oleh mereka. Kerakusan dan ketamakan Amerika Syarikat begitu jelas apabila mereka menjadikan Amerika Selatan, Australia dan New Zealand sebagai miliknya sedangkan semua negara tersebut merupakan milik orang lain yang tidak mampu untuk menentangnya. Jelas bahawa sifat ini masih ada pada mereka sehingga sekarang. Justeru itu, kita dapat melihat sekiranya ada pihak yang tidak bersetuju dengan mereka, maka mereka akan bertindak, misalnya dengan alasan kononnya untuk melakukan perubahan rejim, menunaikan hak asasi manusia, mengamalkan demokrasi dan sebagainya. Berkenaan dengan soal hak asasi ini saya pernah bertanya, "Apa maknanya hak asasi manusia? Kamu telah bunuh orang, nak berikan hak apa lagi kerana dia telah pun mati."

VISI: Apa komen Tun tentang pertentangan antara perjuangan hak asasi, demokrasi dan sebagainya yang didakwa oleh Amerika Syarikat dan sekutu-sekutunya dengan peperangan menentang keganasan.

Tun Dr. Mahathir: Semuanya itu merupakan propaganda dan bukan berdasarkan keikhlasan. Tidak dinafikan mungkin ada beberapa orang daripada mereka yang ikhlas namun umumnya mereka tidak ikhlas dalam apa juga bentuk perjuangan mereka.

VISI: Komen lanjut Tun tentang usaha membawa penjenayah perang ke muka pengadilan.

Tun Dr. Mahathir: Sekarang ini kita mendapati bahawa pihak yang menang dapat membawa pihak

yang kalah untuk dibicarakan di mahkamah yang dikuasai oleh pihak yang menang. Ini bukanlah cara yang adil kerana cara ini membolehkan musuh menghukum musuhnya. Apa yang sebenarnya perlu dilakukan ialah sekiranya berlaku peperangan, tanpa mengira pihak yang memenangnya atau juga yang tewas, individu yang melakukan pembunuhan, iaitu yang memberikan arahan supaya pembunuhan dilakukan dan memberikan arahan supaya berperang, kedua-duanya perlu dihadapkan di mahkamah yang hakimnya terdiri daripada pihak yang berkecuali. Dengan cara ini, barulah kita akan dapat melihat keadilan dilaksanakan. Inilah yang kita sarankan dan banyaklah lagi cara untuk mengembangkan fahaman ini. Di Amerika Syarikat umpamanya baru-baru ini, kita mendapati sudah ada pihak yang membuat cadangan dan meminta supaya calon-calon yang akan bertanding dalam pilihan raya mestilah terdiri daripada orang yang membuat pengakuan terbuka bahawa mereka menolak peperangan. Permintaan ini dibuat oleh ibu-ibu kepada tentera-tentera Amerika yang terbunuh di Iraq. Situasi ini menunjukkan bahawa pendapat atau fahaman menolak peperangan semakin berkembang, khususnya di Amerika Syarikat sendiri.

VISI: Siapakah yang diperalatkan dan menjadi boneka, adakah Israel yang menjadi boneka Amerika Syarikat atau juga sebaliknya?

Tun Dr. Mahathir: Sebenarnya Amerika Syarikatlah yang menjadi boneka bagi Israel. Ini disebabkan orang Yahudi di Amerika Syarikat memperoleh kedudukan yang begitu teguh. Mereka menguasai seluruh akhbar di Amerika Syarikat selain menguasai Hollywood yang merupakan satu bentuk propaganda yang cukup berkesan. Di samping itu, lebih penting lagi, mereka menguasai semua urusan tentang kewangan dan semua bank, dimiliki atau diurus oleh mereka. Di samping, sekarang ini pula didapati banyak orang Yahudi diambil bekerja sebagai pembantu ahli-ahli kongres di Amerika Syarikat. Sebagai pembantu, mereka mempunyai pengaruh yang cukup kuat. Pada masa yang sama, kita mendapati bahawa meskipun jumlah orang Yahudi tidak besar, iaitu hanya seramai lapan juta orang sahaja di Amerika Syarikat tetapi mereka mempunyai rangkaian yang cukup kuat. Apabila mereka ingin mengalahkan sesiapa, mereka akan menggunakan rangkaian ini untuk berkempen dan tidak memberikan sokongan kepada individu yang tidak disukai oleh mereka.

Oleh yang demikian juga, meskipun jumlah mereka tidak besar tetapi kerana kebanyakan daripada bukan Yahudi berbelah-bahagi, iaitu antara Demokrat dengan Republikan, maka orang Yahudi menjadi undi penentu. Sehubungan itu, sesiapa yang didapati menentang Yahudi atau tidak menyokong Israel, maka mereka akan tewas. Ini sudah berlaku kepada banyak individu dan semua pihak berasa takut akan orang Yahudi dan Israel. Mereka juga bimbang sekiranya dituduh sebagai pihak yang tidak menyokong Israel. Maka dengan demikian, mereka menyokong Israel sehingga apa sahaja yang dilakukan oleh Israel akan dihalalkan dan ini bermakna, mereka sudah diperalatkan oleh Israel.

VISI: Apa pandangan Tun tentang pembbohongan yang dirancang dengan teliti oleh Amerika Syarikat dan Israel dalam peristiwa 11 September.

Tun Dr. Mahathir: Ini ialah cerita yang dibawa oleh seorang penjaga bangunan yang bekerja di dalam bangunan tersebut. Penjaga bangunan itu sendiri telah berjaya menyelamatkan lebih 300 orang. Katanya, semasa peristiwa tersebut berlaku, dia mendengar letupan yang besar dari bawah bangunan dan bukannya dari atas. Sekiranya kita melihat tayangan video yang dirakamkan, kita dapat melihat bangunan ini bukannya runtuh seperti biasanya sesebuah bangunan runtuh, iaitu tumbang ke sebelah. Sebaliknya, bangunan itu runtuh dengan "elok-elok sahaja". Selain itu juga, biasanya besi tidak mudah dapat dihancurkan. Jika pun ada besi yang terbakar tetapi ia tidaklah sampai menjadi cair. Walau bagaimanapun, dalam gambar yang ditunjukkan, besi sama sekali tidak kelihatan dan seolah-olah semuanya telah hilang begitu sahaja. Seperkara lagi yang menimbulkan keraguan ialah tempoh bangunan itu runtuh, iaitu hanya dalam jangka masa sepuluh saat sahaja. Dalam tempoh sesingkat ini, tidak mungkin besi akan hancur dan cair. Akan tetapi sebaliknya, jika letupan itu sememangnya dirancang seperti yang dilakukan dalam kerja merobohkan bangunan, pasti mereka telah meletakkan bahan-bahan letupan di tempat-tempat yang tertentu supaya semua struktur akan patah mengikut jadual dan bangunan itu akan jatuh atau runtuh tanpa tumbang.

Saya sendiri yang menyaksikan laporan dan siaran televisyen pada malam itu berasa agak pelik kenapa bangunan tersebut runtuh sedemikian cara. Melalui gambar yang ditunjukkan juga, kita boleh melihat bahawa bangunan yang tidak terkena

serangan pesawat turut runtuh dengan cara yang sama. Justeru itu, timbul syak wasangka serta keraguan terhadap kebenarannya. Para pakar pun mengesahkan bahawa ini bukanlah cara sesebuah bangunan runtuh akibat dilanggar oleh pesawat.

VISI: Apa pula pandangan Tun tentang sikap pilih kasih (*double-standard*) Amerika Syarikat dalam soal pembangunan tenaga nuklear terhadap negara-negara yang terbabit.

Tun Dr. Mahathir: Kita dapat melihat dengan jelas sikap pilih kasih Amerika Syarikat. Pertama, tumpuannya terhadap negara Islam kerana mereka tidak mempercayai keikhlasan negara Islam dan dengan itu, mereka cuba menentukan agar negara Islam tidak memiliki senjata ini. Sebaliknya Israel sebagaimana yang diketahui, telah sekian lama memilikinya. Malah, negara-negara lain juga memiliki senjata nuklear ini. Oleh yang demikian dalam perkara ini, amat jelas mereka menganggap umat Islam serta negara Islam sebagai musuh dan mereka mahu memastikan bahawa negara Islam tidak mungkin dapat mempertahankan diri kerana mereka tidak akan memiliki senjata nuklear. Ini jelas merupakan ketidakadilan. Setiap negara sepatutnya berhak untuk mempertahankan diri dengan apa sahaja cara yang boleh diadakan oleh mereka. Akan tetapi Amerika Syarikat mahu menguasai dunia dengan mengugut bahawa ia memiliki sehingga 10,000 *nuclear warheads* yang cukup untuk memusnahkan seluruh dunia. Jadi, inilah cara Amerika Syarikat bertindak dengan menakutkan dunia kerana kekuatan yang tidak terhingga yang ada padanya.

VISI: Bagaimana pandangan peribadi Tun tentang Iran dan Presidennya?

Tun Dr. Mahathir: Saya pergi ke Iran baru-baru ini dan berjumpa dengan Presiden Ahmadinejad dan saya dapati dia begitu sayang pada negaranya, seorang yang sememangnya patriotik dan tegas. Beliau tidak akan sanggup menyerah diri walaupun diancam dengan serangan nuklear. Penduduk Iran juga memiliki semangat patriotik yang amat tinggi. Ini terbukti sejak dahulu, iaitu semasa diserang oleh Iraq selama lapan tahun dan Iraq pula dibantu oleh Amerika Syarikat. Ketika itu, Iran tidak mempunyai tentera yang terlatih dan hanya menggunakan tentera sukarela sahaja namun mereka dapat

mempertahankan Iran sehingga tidak sedikit pun wilayah Iran yang jatuh kepada Iraq. Jadi, sekiranya Amerika Syarikat cuba untuk menyerang Iran, Iran sama sekali tidak akan tunduk dan tidak akan mengaku kalah meskipun Amerika Syarikat menggunakan senjata nuklear.

VISI: Kesan daripada senjata nuklear yang membawa kemusnahan serta kemudaratan yang begitu besar terhadap manusia serta alam yang seolah-olah masih tidak cuba disedari oleh segelintir manusia. Apakah pandangan Tun dalam hal ini?

Tun Dr. Mahathir: Sekarang ini ahli sains juga tidak mengetahui secara menyeluruh tentang barangan atau senjata nuklear. Ini khususnya tentang kesan daripada letupan peralatan nuklear. Di Hiroshima, saintis hanya menyedari kesan atau kemudaratan yang begitu dahsyat setelah bom atom digugurkan ke atas bandar tersebut. Bahawa yang membawa kerosakan bukan sahaja letupan tetapi kemudian dari itu, iaitu radiasi yang terhasil daripada saki-baki bom itu cukup untuk menyebabkan sesiapa yang terdedah kepadanya menghidapi kanser. Penyakit kanser ini pula mungkin akan dihidapi oleh seseorang lima tahun selepas itu. Bahan ini mempunyai elemen *half-life*, iaitu ia akan berkurangan sebanyak separuh dalam jangka masa puluhan ribu tahun dan kesan radiasi akan sentiasa wujud. Sesiapa sahaja mempunyai kemungkinan untuk terdedah kepadanya dan akibatnya, mereka akan menghidapi kanser dan penyakit-penyakit yang lain.

VISI: Boleh Tun jelaskan mengenai penindasan serta ketidakadilan terhadap Palestin akibat sikap pilih kasih (*double-standard*) Amerika Syarikat serta Israel?

Tun Dr. Mahathir: Pertama, Palestin diharamkan oleh pihak Israel tetapi apabila Presiden Ahmadinejad berkata kita patut mengharamkan Israel, marahnya bukan kepalang lagi. Israel mengharamkan Palestin sehingga tidak boleh dipanggil negara Palestin dan sebaliknya hanya boleh dipanggil The Palestinian Authority (PA) sahaja. Ini jelas menunjukkan Israel sudah mengharamkan Palestin tetapi mendakwa negaranya tidak boleh diharamkan. Ini merupakan satu lagi bentuk *double-standard* mereka. Kedua, desakan oleh pihak Amerika Syarikat supaya sistem demokrasi diamalkan, termasuklah dengan mengadakan pilihan raya. Apabila kita menerima

sistem demokrasi, maka kita sewajarnya menerima sesiapa sahaja yang memperoleh kemenangan. Amerika Syarikat berpendapat bahawa tentulah Fatah akan memperoleh kemenangan tetapi hakikatnya, rakyat Palestin lebih suka akan Hamas dan apabila Hamas menang, sepatutnya Amerika Syarikat mengiktiraf Hamas. Sebaliknya, mereka bukan sahaja tidak memberikan pengiktirafan, malah cukai-cukai yang dipungut untuk Palestin oleh Amerika Syarikat serta Israel tidak diserahkan sama sekali kepada pemerintahan demokratik Palestin, iaitu Hamas. Ini merupakan satu penipuan yang cukup besar. Kutipan cukai untuk sebuah negara telah dibuat dan disebabkan pemerintah yang dipilih tidak disukai, maka cukai yang dikutip itu tidak mahu diserahkan.



VISI: Mengenai perbalahan atau krisis antara Fatah dengan Hamas, apakah nasib serta masa hadapan rakyat Palestin dan bagaimana krisis yang berlaku ini harus ditangani?

Tun Dr. Mahathir: Inilah yang membuat kita berasa sedih. Meskipun kedua-dua pihak mempunyai ideologi ataupun cara serta pendekatan yang berbeza, namun hakikatnya, pertama, mereka merupakan rakyat Palestin, kedua mereka ialah orang Islam dan ketiga, musuh mereka yang sebenar ialah Israel serta Amerika Syarikat. Apabila mereka bermusuhan sesama sendiri, ini menunjukkan mereka tidak dapat memberikan tumpuan terhadap musuh mereka yang sebenar. Penyakit ini merebak dikebanyakan negara Islam kerana mereka terlalu taasub dengan pendapat sendiri dan membelakangkan ajaran Islam bahawa orang Islam adalah bersaudara. Inilah antara faktor yang melemahkan orang Islam. Ada yang mengatakan bahawa semuanya ini merupakan usaha atau strategi orang Yahudi untuk memecahbelahkan umat Islam. Namun, jika kita menyedari bahawa ini merupakan

usaha mereka, mengapakah kita membenarkan diri kita dipengaruhi? Saya berdoa supaya mereka sedar bahawa sebagai umat Islam, mereka tidak harus bersengketa, jauh sekali untuk berperang sesama sendiri. Sebaliknya buat sementara waktu, mereka perlu bergabung sama ada dengan mewujudkan kerajaan campuran atau juga mengadakan kerjasama antara pihak pembangkang dengan kerajaan. Ini sebagaimana yang dilakukan oleh Britain dahulu sewaktu berperang dengan Jerman. Parti Konservatif dengan Parti Liberal bergabung dan mereka menumpukan perhatian terhadap peperangan menentang Jerman. Apabila mencapai kemenangan, mereka berpisah semula dan meneruskan persaingan dalam bidang politik.

VISI: Apakah sebenarnya masalah yang dihadapi oleh OIC, khususnya dalam membela nasib negara-negara Islam, terutamanya Palestin?

Tun Dr. Mahathir: Masalah OIC ini ialah negara-negara Islam tidak bersatu hati dan masing-masing mempunyai pendapat yang tersendiri. Ada yang memihak kepada Amerika Syarikat, ada pula yang bermusuhan dengan Amerika Syarikat, ada yang ingin berkecuali dan masing-masing berpegang teguh pada pendirian masing-masing. Tidak ada kata sepakat dan dengan yang demikian OIC pada hakikatnya, tidak wujud sama sekali. ❁